

07/02/2000

Penyelewengan sejak 1963

KUALA TERENGGANU, Ahad - Penyelewengan agama oleh pemimpin Pas berlaku sejak 1963 lagi apabila parti itu mengeluarkan fatwa bahawa berikat atau berkongsi kuasa dengan bukan Islam menjadi kafir.

"Penyelewengan ini sudah dilaporkan dalam kertas putih Jawatankuasa Ulama Kelantan pada bulan Ogos 1963," kata bekas Pengarang Pejabat Menteri Besar, Datuk Shafei Daud.

Mengulas cabaran Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang meminta Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membuktikannya, Shafei berkata, pihaknya sudah menghantar kajian selama 30 tahun mengenai perkara berkenaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, banyak perkara mungkin tidak diketahui oleh Fadzil kerana beliau (Fadzil) menghabiskan masa di Kedah dan kebanyakan penyelewengan agama termasuk solat dua imam berlaku di Kelantan dan Terengganu.

Beliau berkata, penyelewengan berkenaan bukan habis setakat itu saja. Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang, pada 1980 menyalahafsirkan ayat 251 surah Al-Baqarah dalam ceramahnya.

"Hasil daripada tafsiran Hadi mengenai ayat berkenaan, umat Islam faham bahawa tuhan (Allah) mahu kita bergaduh," katanya.

"Pada bulan April 1981, ketika dalam ceramah di Marang Hadi mengeluarkan fatwa yang kemudiannya dikenali sebagai Fatwa Hadi. Fatwa itu kemudiannya dicetak dalam tulisan jawi pada pilihan raya 1983 dan cetakan rumi pada 1985.

"Fatwa berkenaan juga tertampal di dinding sebuah bangunan ketika peristiwa Memali. Pengkaji boleh rujuk video yang dirakamkan oleh pihak Polis ketika peristiwa berkenaan.

"Hadi sendiri mengakui bahawa ucapan beliau yang mengkafirkan Umno dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri tahun 1983, menyebabkan Menteri Besar pada ketika itu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menitiskan air mata," katanya.

Shafei berkata, dia sedia memberi segala bahan yang dikumpulkan selama ini kepada sesiapa saja yang ingin menjalankan kajian mengenai perkara berkenaan.

Ini katanya, tidak termasuk fatwa menjadi kafir jika berkata 'politik suku agama suku' yang menjadi modal utama untuk menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat.

"Sekular yang diputar belit dan menghukum zalim apa yang dilakukan oleh orang lain tetapi tidak kepada pemimpin Pas," katanya.

Shafei berkata, banyak lagi bahan yang boleh dibuktikan sama ada secara bertulis atau lisan mengenai penyelewengan agama yang dilakukan oleh pemimpin parti berkenaan.

(END)